

14/09/1998

Tidak larang main kaset

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Pengangkutan setakat ini tidak bercadang mengenakan tindakan terhadap pemandu teksi yang memainkan kaset ucapan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Menterinya, Datuk Mohd Ali Rustam, bagaimanapun menasihatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan ucapan berkenaan yang bertujuan menagih simpati kerana pemecatannya dibuat berdasarkan moralnya yang rendah.

"Jika benar ada pemandu teksi memainkan kaset ucapan Anwar, setakat ini kita tidak bercadang melarang mereka (pemandu teksi) berbuat demikian.

"Mereka boleh memainkan kaset berkenaan seperti mana mereka memainkan lagu Hindustan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau juga meminta supaya semua pihak akur dengan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar kerana ia dibuat berdasarkan pertimbangan bijaksana.

Ketika berceramah di Pondok Derang, Alor Star, dalam kempen reformasinya semalam, Anwar mendakwa sokongan terhadap beliau meningkat dan ada antaranya ialah pemandu teksi.

Bekas Menteri Kewangan itu mendakwa pemandu teksi menyatakan kepadanya mereka sanggup menjadi agen reformasi dengan memainkan kaset ucapan beliau dalam teksi masing-masing.

(END)